

14/10/2001

Paya Indah seindah nama

Zulkofli Jamaludin

SEINDAH namanya, Paya Indah Wetlands (Paya Indah) pasti menarik orang ramai mengunjunginya berulang kali untuk melihat keindahan tanah lembap dan tasik yang menjadi tumpuan kira-kira 130 spesies burung, 40 spesies ikan, 25 spesies haiwan mamalia dan reptilia, 220 spesies tumbuhan akuatik, rumpai air serta herba.

Pengunjung bukan saja berpeluang melihat keindahan semula jadi, tetapi keunikan seni bina Melayu dan beriadah bersama keluarga di Paya Indah kerana taman tanah lembab itu dilengkapi kemudahan berkuda serta taman permainan kanak-kanak.

Paya Indah yang menggabungkan tanah bekas tanah lombong, hutan tanah lembab dan tasik itu adalah destinasi pelancongan terbaru yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Tanah bekas lombong itu kini menjadi kawasan yang indah dan menarik untuk dilawati kerana kawasan berpaya ini, sebenarnya kaya dengan 1,001 khazanah flora dan fauna.

Malah, kawasan berpaya, terutama di Malaysia mempunyai spesies hidupan yang unik, kebanyakan sukar didapati pada masa ini berikutan ancaman pembangunan dan manusia.

Bertempat di Dengkil, Selangor, Paya Indah seluas 3,200 hektar yang bukan saja menjadi satu tarikan pelancongan, malah taman yang menggabungkan ciri keindahan alam dan penyelidikan manusia.

Ketua Pegawai Eksekutif Paya Indah, Muralee Menon, berkata selain keindahan semula jadi, pengunjung ke taman itu berpeluang melihat badak air yang berasal dari Botswana, Afrika.

"Kehadiran badak itu adalah sebahagian daripada perancangan Paya Indah untuk mewujudkan Safari Afrika di taman yang turut berfungsi memulihara alam sekitar, paya gambut dan ekosistem.

Beliau berkata, pada peringkat awal hanya sebahagian Paya Indah dibuka kepada orang ramai untuk membolehkan pengunjung melihat keindahan dan kehidupan di tanah lembab.

Untuk kemudahan pengunjung, katanya, Paya Indah menyediakan ruang pameran, kompleks pengangkutan, pondok rehat, tandas awam, kios perniagaan, taman dan lanskap.

Pengunjung dewasa yang ingin melawat taman itu dikenakan bayaran masuk RM5 manakala kanak-kanak RM3 pada hari biasa. Pada hujung minggu pula bayaran masuk ialah RM7 dan RM4 untuk kanak-kanak.

Muralee berkata, pihaknya kini sedang membina 34 unit chalet mewah untuk kemudahan pengunjung tempatan dan asing dan dijangka siap pada suku pertama tahun depan.

Selain pengunjung tempatan, Paya Indah dijangka menjadi tumpuan pelancong asing yang datang menyaksikan perlumbaan kereta Formula Satu di Sepang.

Sehubungan itu, pengurusan Paya Indah merancang untuk mewujudkan sebuah kawasan untuk peminat Formula Satu di taman itu bagi membolehkan mereka bercuti sambil melihat keindahan semula jadi.

"Pembangunan yang dijalankan di kawasan ini tidak membabitkan kemusnahan kawasan asli sedia ada.

"Beberapa kawasan hidupan liar yang sensitif langsung tidak diusik kerana dikhuatiri hidupan ini akan merajuk dan berpindah ke kawasan lain," katanya.

Malah, setiap komponen pembangunan diiring dengan penyelidikan. Sebagai

contoh, pokok teduhan yang ditanam di sepanjang jalan menggunakan kaedah pemulihan tanah paya.

Ketika melawat ke taman itu baru-baru ini, kami berpeluang menyaksikan beberapa spesies burung seperti `lesser whisteling duck' dan `purple swamp hen' yang cukup sensitif dengan kehadiran manusia di kawasan habitat mereka.

Di sebelah kawasan hutan pula, pokok berpaya yang popular seperti rasau dan palma merah tumbuh subur dan berlumba menguasai kawasan.

Tasik yang jernih dan kebiruan pula bukan sekadar menambah seri suasana, malah ratusan ikan berlegar-legar jinak di permukaan air bakal mengusik perasaan pengunjung.

Taman itu yang terletak kira-kira 5 kilometer dari pekan Dengkil juga strategik kerana dekat dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan pusat pentadbiran baru, Putrajaya.

(END)